

23 NOVEMBER 2017

Anak lelaki ADUN didakwa miliki dadah

Anak lelaki ADUN didakwa miliki dadah

KOTA BHARU 22 Nov. – Anak lelaki Naib Presiden PAN yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Salor, Datuk Husam Musa dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini hari ini atas tuduhan memiliki 20 gram dadah jenis methamphetamine pada Sabtu lalu.

Tertuduh, Ahmad Syaf, 29, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarkan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Kamarul Hasyime Rosli.

Ahmad Syafi didakwa melakukan

kan perbuatan itu pada pukul 3.30 petang, 18 November lalu di sebuah rumah di Lot 409, Jalan Pasir Mas Salor, Kampung Jelutong di sini.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 39A (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun dan sembilan sebatan jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Muhamad Shahirun Azri Mohd.

Nordin yang mengendalikan pendakwaan, mencadangkan jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin.

Tertuduh, tertuduh yang diwakili lima peguam dikeputus oleh Firdaus Mohd. Yusuf merayu agar jumlah ikat jamin dikurangkan kepada RM8,000 dengan seorang penjamin atas alasan itu merupakan kesalahan pertama.

Empat peguam lain yang mewakili anak Husam ialah Mohd. Yusoff Yakob, Mohd. Ridzuan

Muhamad, Ahmad Nuri Abd. Rahman dan Wan Abdullah Sani Wan Yusuf.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 14 Januari depan, sebutan semula kes.

Tertuduh membayar jaminan tersebut.

Ahmad Syafi ditahan sepasukan anggota polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu pejabat Polis (IPD) Daerah Kota Bharu kira-kira pukul 3.30 petang, Sabtu lalu.